

26 JUL 1997

Asean-mata wang

AS NAFI ADA PAKATAN BERKAITAN SPEKULASI MATA WANG ASEAN

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) --Amerika Syarikat (AS) tidak berfikir ada pakatan berkaitan spekulasi mata wang Asean, sejak beberapa minggu yang lalu, kata jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat Nicholas Burns hari ini.

Beliau berkata Washington bersimpati dengan Asean berkaitan "serangan" mata wang itu, tetapi ia tidak mahu membuat spekulasi sama ada ahli kewangan yang berpangkalan di AS, Geroge Soros adalah orang yang bertanggungjawab dalam perkara itu.

"Kami menghormati dia," kata beliau sambil menambah kata Soros mempunyai "pengaruh" dan pelaburan kewangan di seluruh dunia.

"Tetapi, saya tidak mahu membuat spekulasi sama ada dia adalah orang yang bertanggungjawab di belakang masalah ekonomi di rantau ini," katanya semasa ditanya sama ada Washington sedar Soros adalah bertanggungjawab berkaitan spekulasi mata wang Baht di Thailand, Peso di Filipina, Ringgit di Malaysia dan Rupiah di Indonesia, sejak beberapa minggu lalu.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah "menunjuk jari" kepada Soros sebagai orang yang bertanggungjawab kepada "serangan" mata wang di rantau ini.

"Dia (Soros) juga diketahui sebagai orang yang cuba menggunakan "kuasa kewangannya" di AS untuk menghalang Myanmar menjadi anggota Asean," Dr Mahathir dipetik sebagai berkata demikian.

"Adalah sukar untuk memisahkan tangan kanan dengan tangan kiri dan kadangkala anda tidak tahu apa yang dilakukan oleh tangan kanan. Tetapi dalam hal ini jelas terdapat "penyatuan". Dan hari ini, saya mengesahkan George Soros adalah orang yang saya cakapkan dalam perkara ini," kata pemimpin Malaysia itu, yang menyifatkan spekulator itu sebagai "nakal" dan perbuatannya itu "penyamum antarabangsa."

Burns berkata Washington ingin melihat kestabilan kewangan di rantau Asia Tenggara, dan ia melihat masalah mata wang itu sebagai "kuasa ekonomi" yang memainkan peranannya di rantau ini.

Masalah ini, kata beliau boleh dibetulkan dengan "dasar ekonomi yang kukuh."

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang bertemu Albright dalam mesyuarat dua hala hari ini berkata, mereka tidak membincangkan masalah mata wang itu.--BERNAMA

KGO RM RI